**MINIT MESYUARAT**
**PERBINCANGAN SUSULAN BERKAITAN**
**PEMBANGUNAN SISTEM REPOSITORI**
**PERPUSTAKAAN**
**(UTM-IK CENTRALIZED REPOSITORY SYSTEM)**
**PERPUSTAKAAN UTM**

---

| | |
|---|---|
| TARIKH : | 14 MEI 2024 (SELASA) |
| MASA : | 3.00 PETANG – 4.15 PETANG |
| TEMPAT : | ATAS TALIAN (GOOGLE MEET) |

---

| NAMA | PERANAN / JAWATAN |
|---|---|
| **Kehadiran :** | |
| 1. En. Mohd Fuad bin Mohamed Yusof | Timbalan Ketua Pustakawan (Seksyen Penyelidikan) |
| 2. En. Yusrul Hisham bin Mohd Yusof | Ketua Seksyen Automasi & Multimedia - (KAT) |
| 3. Pn. Syahranah binti Ahmad Raqi | Ketua Seksyen Koleksi Khas & Repositori - (KKR) |
| 4. Pn. Haslina binti Hussin | Pustakawan Kanan, Seksyen Koleksi Khas & Repositori |
| 5. Pn. Nabilah binti Jamil | Pencatat Minit / Pustakawan Kanan, Seksyen Galeri |
| 6. Mohamad Fahiezan bin Md Zan | Pustakawan Kanan, Seksyen Automasi |
| 7. Cik Aida Nadhirah binti Rodzuan | Pustakawan, Seksyen Automasi |
| 8. En. Ahmad Luqman bin Abdul Hamid | Pembantu Pustakawan, Seksyen Automasi |
| **Tidak Hadir (dengan penyataan) :** | |
| 1. Cik Haslina binti Othman | Timbalan Ketua Pustakawan (Ilmu Pengetahuan Institusi) |
| 2. En. Sharul bin Ismail | Pegawai Teknologi Maklumat Kanan UTMDigital |
| 3. En. Muhammad Afiq Izzuddin bin Mat Jari | Pustakawan, Seksyen Multimedia |

<table>
<tr><th>Bil</th><th>Perkara</th><th>Tindakan</th></tr>
<tr><td>1.0</td><td><u>Aluan Pengerusi</u><br>1.1 Pengerusi membuka majlis dengan Ummul kitab Al-Fatihah sebelum mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat atas kehadiran.<br><br>1.2 Pengerusi memaklumkan mesyuarat ini bertujuan untuk membentangkan Pelan B: Penjajaran semula Sistem UTM-IK sepertimana yang telah diarahkan oleh Ketua Pustakawan bagi memastikan sasaran bagi KHIR ini dapat dicapai.</td><td>Makluman</td></tr>
<tr><td>2.0</td><td><u>Pembentangan Pelan B: Penjajaran semula Sistem UTM-IK</u><br><br>2.1 KAT membentangkan Pelan B: Penjajaran semula sistem UTM-IK di mana semua platform iaitu UTM-IR, DMS, Open Science dan UTMLenses dibangunkan secara dalaman di bawah platform Dspace-CRIS. Kesemua rekod (metadata dan lampiran) di dalam empat (4) sistem ini akan dimigrasi ke dalam sebuah platform yang baharu iaitu Dspace-CRIS dan menggunakan platform ini secara ‘default’.<br><br>2.2 KAT juga menerangkan cadangan inisiatif baharu untuk menjawab dan melaksanakan KHIR bagi kuartil 2 (Q2) dan kuartil 3 (Q3) seperti berikut:<br><br>
<table>
<tr><th>Q2</th><th>Q3</th></tr>
<tr><td>a. Development of Institutional knowledge platform:<br>i. Planning<br>ii. Analyzing<br>iii. Design<br><br>b. Data Cleaning *BIP</td><td>a. Installation, setup and configuration (system,storage, database)<br>b. Data Cleaning *BIP<br>c. Data Migration (UTM-IR, DMS,RDM, UTM LENSES)<br>d. Integration (LDAP - UTMID)<br>e. Testing & Maintenance</td></tr>
</table>
<br>2.3 KAT memaklumkan cadangan pihak SAT untuk melakukan data migration adalah pada bulan September 2024 dan pihak BIP perlu laksanakan ‘data cleaning’ pada bulan Jun sehingga Ogos 2024.<br><br>2.4 Pihak BIP juga perlu melaksanakan data cleaning terhadap dua (2) sistem iaitu UTM-IR (eprints.utm.my) dan DMS (dms.library.utm.my:8080) dan mengemaskini metadata pada setiap bahan di dalam dua (2) sistem ini untuk mengelakkan berlakunya ‘duplicate’ dan tidak tepat penggunaannya seperti:</td><td>Makluman<br><br>Makluman<br><br>SAT & BIP</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | i. Metadata “Creator “digunakan untuk nama fakulti di Resource Type “Thesis”. [Jumlah Bahan: 30,654]<br>ii. Metadata “Type” bagi “Text” tidak tepat. [Jumlah Bahan: 67,591]<br>iii. ‘Typo’ bagi kemasukan data (nama, tarikh dan lain-lain) | |
| | 2.5 En. Mohd Fuad bin Mohamed Yusof memaklumkan beberapa perkara perlu dilihat dan dibincangkan semula bersama dengan pihak SAT seperti berikut:<br><br>1. Bagaimana untuk mempercepatkan proses *data cleaning* yang perlu dibuat oleh pihak BIP contohnya nama fakulti pada bahagian metadata ‘Creator’ di *Resource Type* ‘Thesis’, supaya apabila proses *mapping* ditarik nanti, adakah boleh nama fakulti itu tidak ditarik sekali?<br><br>2. Metadata “Type” bagi “Text” supaya apabila proses *mapping* ditarik nanti, adakah boleh perkataan “Text” itu tidak ditarik sekali? | SAT |
| | 2.6 En. Mohd Fuad bin Mohamed Yusof meminta KAT untuk menyediakan maklumat justifikasi berkaitan kekurangan atau masalah yang dihadapi jika dibangunkan oleh kepakaran dalaman untuk dilaporkan kepada pihak Ketua Pustakawan untuk dibuat penilaian dan keputusan seperti di bawah:<br><br>1. Jumlah bahan yang perlu dilaksanakan proses *data cleaning* dalam platform seperti DMS iaitu sebanyak 67,591 (Metadata “Type” bagi “Text”) dan 30,654 (Metadata “Creator “digunakan untuk nama fakulti di Resource Type “Thesis”).<br><br>2. Proses data cleaning perlu dilaksanakan secara manual kerana tiada kepakaran berbanding pihak pembekal kerana mereka mempunyai satu kaedah yang cepat seperti ‘by batch’.<br><br>3. Sistem yang dibangunkan hanya ‘default’ sahaja di mana elemen metadata yang diberikan adalah terhad contohnya hanya 7-8 metadata sahaja tiada tambahan metadata yang lain.<br><br>4. *Report* pada sistem Dspace-CRIS adalah kurang baik dan tidak lengkap dan pihak SAT tiada kepakaran untuk laksanakan *third party*.<br><br>5. Sekiranya perlu untuk melaksanakan kaedah *harvesting* data masalahnya adalah kekurangan server. | SAT |

| | | |
|---|---|---|
| | 6. Bagi cadangan untuk menggunakan VuFind perlukan penambahan server di mana akan ada dua (2) *server* yang berbeza iaitu satu (1) server untuk DMS baru dan satu (1) *server* untuk VuFind.<br><br>7. Sekiranya tidak sempat untuk habiskan *data cleaning*, cadangan untuk hanya pindahkan data apa yang telah dibuat dan selebihnya *data cleaning* perlu dibuat di sistem baharu. | |
| 3.0 | **<u>Kertas Permohonan Teknikal Projek</u>**<br><br>3.1 KAT memaklumkan kertas permohonan teknikal projek perlu dihantar sebelum 5 Jun 2024 untuk pembentangan dan kelulusan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI) pada 16 Julai 2024 dan seterusnya dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT) pada 13 Ogos 2024.<br><br>3.2 KAT memaklumkan pembentangan dijalankan secara *online* dan yang akan hadir adalah KAT, Cik Haslina Othman dan En. Mohd Fuad.<br><br>3.2 KAT menerangkan kandungan kertas permohonan teknikal yang perlu disiapkan dan dilengkap oleh pihak BIP dan SAT mengikut bahagian keperluan masing-masing. Kertas permohonan teknikal ini akan dimuatnaik ke dalam Google Drive dan dikongsi bersama ahli yang lain. | SAT & BIP |
| 4.0 | **<u>Penutup</u>**<br>Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat atas kerjasama sepanjang mesyuarat. Pengerusi menangguhkan mesyuarat pada 4.15 petang dengan tasbih kifarah dan Surah Al-Asr. | Makluman |

Disediakan oleh :

**(NABILAH BINTI JAMIL)**
**Pencatat minit**

**Tarikh : 15 MEI 2024**